

No. Ruj. Kami : PBBPP.UKK.100-2/1/1(69)
Tarikh : 13 September 2022

KENYATAAN MEDIA

Trash Free Hill kembali lagi untuk edisi ketiga!

Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) berbesar hati mengumumkan bahawa *Trash Free Hill* kembali lagi selepas dua tahun ditangguhkan akibat pandemik COVID-19. Pendaki yang mahir dan berpengalaman yang ingin mengambil bahagian dalam acara menarik ini bagi membersihkan laluan mendaki Bukit Bendera dialu-alukan untuk menyertai acara ini pada 13 November 2022!

Aktiviti tahunan yang bermula pada 2018 bertujuan untuk membantu melindungi dan memelihara Bukit Bendera serta kawasan tadahan air, dan bertujuan meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kepentingan menjaga kebersihan Bukit Bendera daripada sampah sarap.

Acara ini disokong oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang diwakili oleh YB Phee Boon Poh, EXCO Alam Sekitar dan Kebajikan. Turut bersama menjayakan acara ini adalah Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Penang Green Council (PGC), Pusat Pengajian Kelestarian Global Universiti Sains Malaysia (USM), Persatuan Penduduk Bukit Bendera serta komuniti pendaki.

Peserta akan diberikan barang-barang yang diperlukan di lokasi permulaan untuk mengutip sampah. Sampah yang diambil daripada acara ini akan ditimbang oleh kakitangan USM dan data tersebut akan dianalisis untuk mendapatkan jumlah kutipan sampah dan akan diasingkan mengikut kategori. Selepas pengumpulan data dilakukan, pihak MBPP akan membantu untuk membersihkan sampah sarap tersebut.

PBBPP mensasarkan seramai 700 peserta yang akan menyertai *Trash Free Hill 2022* (TFH2022) pada tahun ini ini. Setiap peserta akan menerima Kit Peserta TFH2022 sebagai tanda penghargaan. Pendaftaran adalah percuma dan dibuka sehingga 30 September 2022. Pendaftaran boleh dibuat secara atas talian di www.penanghill.gov.my/tfh.

PBBPP juga ingin memohon tajaan daripada individu, perniagaan dan organisasi untuk menyumbang wang tunai atau barangan kepada acara komuniti ini.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi PBBPP di talian 04-8288880 atau emel ke inquiries@penanghill.gov.my

#TAMAT#

Mengenai Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP)

Perbadanan Bukit Bendera telah ditubuhkan pada tahun 2009 melalui enakmen yang telah dipersetujui melalui persidangan Dewan Undangan Negeri. Tujuan utama penubuhan Perbadanan Bukit Bendera adalah untuk menguruskan perkhidmatan funikular, memulihara dan membangunkan Bukit Bendera sebagai destinasi eko-pelancongan utama dan visinya adalah menjadikan Bukit Bendera sebagai destinasi bukit peranginan terunggul di Malaysia dan di rantau ini

Unit Komunikasi Korporat

Lim Woan May
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880

wmlim@penanghill.gov.my

Ahmad Aizat Bin Khalid
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880

aizat@penanghill.gov.my

Vivien Loo
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880

vivienloo@penanghill.gov.my

Tan Lee Ling
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880

lltan@penanghill.gov.my

Laluan TFH2022

Laluan ini adalah seperti yang disyorkan oleh pendaki yang berpengalaman. Paramedik akan bersedia sedia di tempat pemeriksaan dan lokasi penamat. Jarak laluan, tahap kesukaran dan masa tamat adalah seperti yang tertera dalam jadual di bawah:

Laluan	Kesukaran	Tempoh (Approx..)	Lokasi Permulaan	Jarak (Approx..)	Flag-off Time
1	Sederhana	4 Jam	Moongate Entrance A, Penang Botanic Gardens – Station 5 – Station 84 – Moniot Road East – Viaduct West - Upper Tunnel Road – Bypass D – Summit Road - Dataran Penang Hill	7.9km	7.00 am
2	Sederhana	3.5 Jam	Moongate Entrance B, Penang Botanic Gardens – Bukit Cendana – Jeep Track – Viaduct Road East – Bypass J - Jeep Track – Waterfall Road - Dataran Penang Hill	6.5km	7.00 am
3	Sederhana	3.5 Jam	Penang Botanic Gardens Entrance – Reservoir – Station 46 – Jeep Track - Dataran Penang Hill	6.0km	7.00 am
4	Mudah	3 Jam	Jeep Track – Upper Tunnel Road – Bypass B – Summit Road - Dataran Penang Hill	6.2km	7.00 am
5	Mudah	3.5 Jam	Lower Station – Heritage Trail – Middle Station – Claremont – Viaduct Station – Bypass H – Bypass E – Bypass C – Summit Road - Dataran Penang Hill	5.0km	7.00 am
6	Mudah	3 Jam	Hye Keat Estate – Middle Station – Claremont – Viaduct Station – Bypass G – Lower Tunnel Road – Upper Tunnel Road West – Bypass A - Summit Road - Dataran Penang Hill	4.5km	7.00 am
7	Sederhana	3 Jam	Jalan Air Itam (Near Police Station) – Middle Station – Farmer Path - Viaduct Road West - Moniot West – Summit Road - Dataran Penang Hill	7.7km	7.00 am

8	Sukar	5 Jam	Taman Rimba (Teluk Bahang) – Laksamana Trail – Western Hill Road – Tiger Hill Road – Monkey Cup Café – Summit Road – Dataran Penang Hill	11.3km	6.30 am
---	-------	-------	--	--------	---------

Penafian:

Walaupun langkah keselamatan akan diambil untuk memastikan keselamatan semua peserta, penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kejadian, kecederaan, atau kematian sebelum, semasa atau selepas program. PBBPP menggalakkan hanya pendaki yang mahir / berpengalaman untuk menyertai acara tersebut bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini.

TFH2022

Tarikh: 13 November 2022.

Masa: 6:30 pagi – 12.00 tengahari (Semua peserta mesti daftar masuk **30 minit** sebelum masa *flag-off*).

Pendaftaran: Percuma. Daftar atas talian di www.penanghill.gov.my/tfh sebelum **30 September 2022**.